

10/05/2002

Pemuda jalin usaha sama antarabangsa

Tuan Nazuri Tuan Ismail

KUALA LUMPUR, Khamis - Pergerakan Pemuda Umno akan mewujudkan rangkaian hubungan kerjasama dengan pemimpin muda di seluruh dunia sebagai satu daripada usaha jangka panjang menangani konflik Palestin.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata pihaknya sedang mengorak langkah untuk membina rangkaian hubungan kerjasama yang kukuh dengan pemimpin muda dari negara Asean serta tiga negara lain iaitu China, Jepun dan Korea Selatan.

"Kemudian baru kita tumpu kerjasama dengan pemimpin muda dari negara Asia Barat dan negara lain," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Pemuda Umno di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Beliau berkata, hubungan itu nanti akan bertumpu kepada bentuk pertukaran pendapat dan maklumat yang berkisar kepada isu sejagat seperti globalisasi, keganasan dan Palestin.

Sehubungan itu, Hishammuddin berkata Pemuda Umno akan mengadakan lawatan ke Timur Tengah bagi mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan pemimpin muda di sana berhubung isu Palestin, keganasan dan globalisasi.

Katanya, pergerakan itu juga akan mengambil kesempatan membincangkan konflik di Palestin pada persidangan Pemimpin Muda Asean + 3 (China, Korea Selatan serta Jepun) yang akan diadakan di sini tidak lama lagi.

Beliau berkata, kesempatan itu perlu diambil kerana Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) kini tidak boleh diharapkan untuk menyelesaikan isu Palestin.

"Mesyuarat Exco Pemuda hari ini bersetuju mengadakan hubungan lebih erat dengan pemimpin negara lain bagi menyedarkan masyarakat antarabangsa bahawa konflik Palestin tidak terhad kepada mana-mana negara, warna kulit dan kaum.

"Keputusan itu bertepatan dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu semua umat Islam bersatu menyusun strategi bagi mendapatkan sokongan antarabangsa dalam usaha menekan Israel sehingga negara Yahudi itu dipulaukan seluruh dunia," katanya.

Pada Syarahan Perdana Palestin dan Kemanusiaan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), malam tadi, Dr Mahathir berkata kerajaan sudah mengutus surat bagi mendapatkan sokongan pemimpin negara Eropah dan semua negara Islam supaya mengambil tindakan menghentikan kezaliman Israel di Palestin.

Perdana Menteri berkata, ini adalah strategi yang dilaksanakan oleh negara yang lemah dan umat Islam harus mengakui hakikat bahawa mereka adalah golongan yang lemah.

Dalam perkembangan lain, Hishammuddin mahu media bertanggungjawab dan bertugas dengan jujur bagi mengelak serangan terhadap Puteri Umno baru-baru ini, terjadi kepada Pergerakan Pemuda.

"Tidak mustahil serangan seumpama itu terjadi kepada kami. Bagaimanapun, Pemuda tidak akan membenarkan perkara itu berlaku dan akan mempertahankannya sama ada serangan dari luar atau dalam," katanya.

Beliau berkata, Pemuda akan menganjurkan perhimpunan pada 31 Mei ini dengan semua pihak yang terbabit dengan misi keamanan di Afghanistan yang dianjurkan pergerakan itu termasuk menjemput Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar sebagai tetamu kehormat.

Sebelum itu, Hishammuddin mewakili Unit Pengaduan Awam Pemuda Umno menyampaikan sumbangan RM25,000 kepada pesakit jantung, Mohd Danial Ikmal.

Sumbangan pelbagai pihak termasuk korporat bukan Melayu itu bagi membolehkan kanak-kanak berkenaan menjalani pembedahan di Institut Jantung Negara (IJN).

(END)